

## บทความวิชาการ

**ความเคลื่อนไหวการชะหะฮ์ของรอซูลุลลอฮ์****นุรดินอัลดุลละฮ์ ดากอฮา\*****บทคัดย่อ**

ท่านรอซูลได้ถูกประทานลงเพื่อเป็นตัวแทนให้กับประชาชาติทั้งมวลบนพื้นแผ่นดินนี้ ในการที่จะนำสารแห่งอิสลามอย่างสมบูรณ์ เพื่อให้เข้าใจถึงด้านการศรัทธา อิบาदัต ชะรีอะฮ์ และจริยธรรม การดำเนินชะหะฮ์ของท่านรอซูลโดยยึดหลักจากอัลกุรอานที่พระองค์อัลลอฮ์ได้ทรงประทานลงมาเพื่อเป็นแบบอย่างในการดำรงชีวิต ทุกๆ ชาติพันธุ์ ภาษา และทุกๆ เวลา สถานที่ การชะหะฮ์ของท่านรอซูลตลอด 23 ปี ซึ่งได้แบ่งเป็น 2 ช่วง คือช่วงมักกะฮ์ และช่วงอัลมะดีนะฮ์ เพื่อผลิตประชาชาติที่เคารพภักดีต่อเอกอัลลอฮ์ และได้ผลตอบแทนทั้งดุนยาและโลกอาคีเราะฮ์ ท่านรอซูลได้วางวิธีการ หลักเกณฑ์ต่างๆ ในการชะหะฮ์ ไม่ว่าจะเป็นด้านการน่าวโนม คำพูด กิริยา บุคลิกส่วนตัวของท่านรอซูลต่อการชะหะฮ์ทุกๆ สถานที่และเวลา ความพยายามของท่านรอซูลในการชะหะฮ์นั้น เป็นความประสงค์ของอัลลอฮ์ที่ทำให้ก่อเกิดผลในรูปธรรมต่างๆ ที่สำคัญที่สุดทำให้ชาวอาหรับได้หันมาสนใจในอิสลาม แม้กระทั่งว่าจะมีการต่อต้านการชะหะฮ์ของท่านรอซูลก็ตาม

\* ดร. (อิสลามศึกษา) อาจารย์ประจำสาขาวิชาอิสลามศึกษา (หลักการอิสลาม) คณะอิสลามศึกษา มหาวิทยาลัยอิสลามยะลา

## ARTICEL

*Da'wah of Rasulullah**Noorodin Abdulloh Dagorha*<sup>\*</sup>**Abstract**

Rasulullah was sent by Allah to calling people on the face of this earth become to Islam completely and including akidah, ibadat, shari'at and akhlak. Da'wah of Rasulullah used the Holy Quran that the message given by Allah to any kind of people, anywhere and anytime for complete way of their life. The da'wah of Rasulullah that was 23 year and divided to Makkah period and Madinah period. To give people faithful in Allah and got the happiness life here and hereafter, Rasulullah put in many subject of da'wah with gave the aim of da'wah and also used the way medium of da'wah toward the suitable case, period and place. Seriously Rasulullah da'wah but with assistant of Allah give him succeed and got a lot of positive trail, but the topmost that was all of Arabian change their religion to Islam however at first step of calling they were strongly resist calling of Rasulullah.

---

<sup>\*</sup>

Ph.D. (Islamic Studies) Lecturer, Department of Usuluddin, Faculty of Islamic Studies, Yala Islamic University.

***Pergerakan Dakwah Rasulullah******Noorodin Abdulloh Dagorha\******Abstrak**

Rasulullah diutuskan Allah untuk menyeru semua manusia yang berada di permukaan bumi ini kepada Islam secara sempurna dan menyeluruh termasuk akidah, ibadat, syariat dan akhlak. Dakwah Rasulullah bersumberkan al-Quran al-Karim yang diturunkan Allah untuk menjadi pedoman hidup bagi manusia sesuai untuk semua bangsa manusia dan sesuai juga pada setiap tempat dan masa. Dakwah Rasulullah selama 23 tahun terbahagi kepada period Mekah dan period Madinah. Demi melahirkan ummah yang tunduk patuh kepada Allah dan mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, Rasulullah telah menerapkan subjek-subjek dakwah serta menentukan tujuan-tujuan bagi dakwah begitu juga menggunakan uslub dan wasilah dakwah mengikut kesesuaian keadaan sasaran dan suasana tempat. Kesungguhan Rasulullah dalam menyampaikan dakwah, dengan kehendak Allah berjaya melahirkan banyak kesan positif, yang paling kemuncak ialah semua orang Arab menukar agama kepada Islam sekalipun pada permulaan dakwah sebahagian besar mereka menentang dakwah secara keras.

---

\* Doktor falsafah dalam jurusan Pengajian Islam (Dakwah), pensyarah di Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Yala.

## Pendahuluan

Allah T.A telah mengutus Nabi Muhammad s.a.w adalah untuk menyebarkan agama-Nya kepada seluruh manusia, memberikan peringatan kepada mereka akan azab-Nya, menyampaikan berita baik kepada mereka dan mengubah hati-hati yang tenggelam di dalam lubuk kesesatan ke arah petunjuk Allah yang benar. Di samping itu, Rasulullah juga diutuskan Allah untuk menjadi suri teladan yang baik kepada manusia dalam semua bentuk pengabdian diri kepada Allah T.A. Oleh yang demikian, Allah T.A telah membimbing Rasulullah s.a.w dengan bimbingan yang sempurna agar menjadi seorang pendakwah yang dicontohi. Al-'Adwi mengatakan bahawa:

*Sesungguhnya Allah telah mendidik nabi-Nya dengan didikan yang paling baik, Ia menceritakan kepadanya kisah rasul-rasul dahulu yang penuh dengan pengajaran.*(Al-'Adawi:1354H:401).

## Pengertian Dakwah

Dakwah Islam ialah merangsang manusia kepada kebaikan dan petunjuk Allah serta menyuruh mereka berbuat makruf dan melarang dari melakukan kemungkaran supaya mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.(‘Ali Mahfūz:1958:17)

Dakwah Islam meliputi mengajak berbuat baik dan melarang daripada kemungkaran. Mengenai ini Ibn Taymiyyah<sup>1</sup> ada menyatakan:

*(Tiap-tiap perkara yang dikasihi Allah dan rasul-Nya, baik wajib mahupun sunat, batin mahupun zahir, maka tugas dakwah kepada Allah menyuruh supaya beramal dengannya. Tiap-tiap perkara yang dimurkai Allah, baik batin mahupun zahir, maka tugas dakwah kepada Allah melarang dari melakukannya. Tidak sempurna dakwah kepada Allah kecuali dakwah itu menyeru kepada beramal dengan perkara yang dikasihi Allah dan meninggal akan perkara yang dimurkai-Nya, baik dengan ucapan kata atau amalan zahir dan batin).*(Al-‘Āsimī: t.t:164)

## Sasaran Dakwah Rasulullah

Sasaran dakwah Rasulullah ialah semua manusia di muka bumi, mereka terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan muslim dan golongan kafir atau belum Islam. Adapun golongan muslim apabila dilihat mengikut kuat atau lemah dalam beriltizam dengan Islam, maka ia terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu “kumpulan muslim yang lebih dahulu berbuat kebaikan”, “kumpulan muslim yang menganiaya diri sendiri” dan “kumpulan muslim yang pertengahan”, sebagaimana diterangkan Allah di dalam ayat berikut:

﴿ثُمَّ أَوْرَثْنَا الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ إِذْنِ اللَّهِ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ﴾

(Fatir:35:32)

<sup>1</sup> Ialah Syeikh al-Islam Taqy al-Din Ahmad Ibn Abd al-Halim Ibn Taymiyyah al-Harani al- Dimasyqi (661H.-728H./1262M.-1327M. )

*Maksudnya: Kemudian kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang Kami pilih antara hamba-hamba Kami, lalu antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan antara mereka ada yang pertengahan dan antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah kurnia yang amat besar.*

Manakala sasaran dakwah golongan kafir atau belum Islam dapat dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu “kumpulan mengingkari Allah”, “kumpulan musyrik”, “kumpulan ahli kitab” dan “kumpulan munafik”.

### Sumber Dakwah Rasulullah

Sumber dakwah Rasulullah s.a.w ialah al-Quran al-Karim. Allah T.A memerintahkan supaya Rasulullah s.a.w membaca dan menyampaikan semua isinya kepada manusia, memberi keterangan dan huraian kepada mereka.(Al-Nahwi:t.t:27) Firman Allah T.A:

﴿يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ﴾

(Al-Maidah, 5:67)

*Maksudnya: Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanah-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.*

Al-Sa<sup>c</sup>di menafsirkan ayat ini dengan kata:

*(Ini adalah satu perintah Allah yang utama bagi rasul-Nya Muhammad s.a.w iaitu menyampaikan apa yang diturunkan Allah kepadanya (al-Quran), ia mengandungi segala urusan manusia yang meliputi akidah, amalan, perkataan, hukum syarak, tuntutan Ilahi dan sebagainya, kemudian Rasulullah s.a.w melaksanakan perintah ini dengan sempurna, Baginda menyeru, memberi peringatan, menyampai berita gembira dan mengajar orang jahil yang tidak pandai membaca dan menulis hingga menjadi ulama). (Al-Sa<sup>c</sup>di:1420H:239)*

### Tujuan Dakwah Rasulullah

Penulis mengklasifikasikan tumpuan dakwah Rasulullah kepada enam tujuan utama iaitu:

Memperkenalkan Tuhan Pencipta, hak-Nya ke atas manusia dan hak manusia ke atas-Nya.

Meluruskan pemikiran salah kepada akidah sohih

Memperkenalkan kebenaran dan kebatilan

Mengislah dan membersihkan diri

Melahirkan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat

Menerapkan sistem pemerintahan Islam

### Subjek Dakwah Rasulallah

Subjek Dakwah Rasulallah s.a.w ialah Islam yang mengatur hidup semua manusia pada setiap masa dan tempat, mengatur hidup manusia untuk memperoleh kebahagiaan di dunia serta mendorong mereka ke jalan pengabdian diri kepada Allah T.A agar mendapat kesejahteraan hidup di akhirat. Begitu juga Islam ialah agama tunggal yang mampu memenuhi tuntutan dan keperluan manusia, mampu memberikan keadilan yang setimpal dan menjamin kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Islam yang merupakan subjek dakwah Rasulallah s.a.w bukan satu agama yang diturunkan hanya untuk pengislahan umat buat sementara waktu dan meninggalkan sebahagian masa yang lain berada dalam kerosakan, begitu juga Islam bukan untuk petunjuk kepada sebahagian umat manusia dan membiarkan umat yang lain berada dalam kekufuran dan kesesatan. Islam ialah agama menyeluruh untuk setiap masa dan kepada semua umat manusia. Islam juga merupakan peraturan Ilahi yang sempurna, manusia tidak mampu berusaha mencari kesempurnaan yang hakiki sama ada akal, akhlak, rohani, meterial dan sebagainya tanpa Islam. (Harras:1406H:212)

### Period dan Tahap Dakwah Rasulallah

Rasulallah s.a.w menyampaikan dakwah kepada manusia selama 23 tahun, dapat dibahagikan kepada dua period iaitu period Mekah dan period Madinah.

#### Period Mekah

Dakwah Rasulallah s.a.w pada period Mekah selama 13 tahun bermula dari kebangkitan nabi hingga hijrah ke Madinah Munawwarah, iaitu semasa Rasulallah s.a.w berada di Mekah. Pada period Mekah ini penulis membahagikan kepada 3 tahap iaitu:

##### 1)Tahap Tertutup

Tahap dakwah dalam bentuk tertutup ini mengguna masa selama 3 tahun, bermula dari tahun pertama hingga tahun ke-3 dari kebangkitan nabi. Setelah Rasulallah s.a.w diperintah menyampaikan dakwah, Baginda terus melaksanakannya secara tertutup kepada kerabat dan kawan-kawannya yang dipercayai. (Abu Zahrah: t.t:287)

Ulama bersepakat mengatakan bahawa Rasulallah s.a.w memulakan dakwah setelah turun perintah Allah dalam surah al-Muddaththir (Al-Siba'i:1406H:46) berbunyi:

﴿يٰٓأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ، قُمْ فَأَنْذِرْ ، وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ، وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ، وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ، وَلَا تَمْنُنْ  
تَسْتَكْثِرُ ، وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ﴾

(Al-Muddaththir:74:1-7)

*Maksudnya: Hai orang yang berselimut, bangunlah, lalu berilah peringatan, dan Tuhanmu agungkanlah, dan pakaianmu bersihkanlah, dan perbuatan dosa (menyembah berhala) tinggalkanlah, dan janganlah kamu memberi (dengan maksud) memperoleh (balasan) yang lebih banyak, dan untuk (memenuhi perintah) Tuhanmu maka bersabarlah.*

Subjek dakwah Rasulullah pada tahap ini ialah mengajak manusia kepada akidah yang benar dan menjauhkan daripada kekufuran dan syirik serta menerangkan kepada mereka jalan menuju kebenaran, berita gembira bagi yang taat dan berita buruk bagi yang ingkar.

Pada tahap ini terdapat isteri Baginda sendiri iaitu Siti Khadijah binti Khuaylid orang pertama memeluk Islam, kemudian sepupu Baginda 'Ali Ibn Abi Talib dan diikuti *maula* Baginda Zaid Ibn Harithah. Selain mereka, sahabat Baginda Abu Bakr al-Siddiq juga ikut menerima dakwah. Sesudah mereka tersebut memeluk Islam, dakwah semakin tersebar dengan luas sekalipun secara tertutup sehingga bertambah ramai yang memeluk Islam. Pada peringkat ini al-Arqam Ibn Abi al-Arqam juga turut memeluk Islam dan beliau menawarkan rumahnya untuk dijadikan pusat penyebaran dakwah. (Abu Syahibah:1419H:289)

Manakala bilangan keseluruhan yang memeluk Islam pada tahap tertutup ini Ibn Hisham ada menyebut di dalam bukunya akan nama-nama mereka secara terperinci iaitu seramai 54 orang. (Ibn Hisham: t.t:258-272) Manakala al-Ghadaban juga menyebut di dalam bukunya seramai 57 orang. (Al-Ghadaban:1409H:24-27) Dalam kajian, penulis mendapati 5 orang yang disebut oleh Ibn Hisham tetapi tidak disebut oleh al-Ghadaban mereka ialah; Asma' binti Abi Bakr, 'Aisyah binti Abi Bakr, Ramlah binti Abi 'Auf,<sup>2</sup> Abu Hudhaifah ibn 'Utbah dan 'Aqil ibn al-Bakir. Manakala nama-nama yang disebut oleh al-Ghadaban tetapi tidak disebut oleh Ibn Hisham seramai 8 orang iaitu; Um al-Fadl binti al-Harith, Fatimah isteri Abu Ahmad ibn Jahsy, Yasir ibn 'Amir, Sumaiyah binti Khaiyat, Bilal ibn Rabah, Hafsa binti 'Umar, 'Amru ibn 'Abasah dan Ramlah isteri 'Abdullah ibn Maz'un. Oleh yang demikian, sekiranya dihimpuh semua nama yang disebutkan oleh kedua-dua ulama tersebut maka ternyata bilangan yang memeluk Islam pada tahap tertutup ini seramai 62 orang.

## 2.Tahap Terbuka Bagi Ahli Mekah

Dakwah secara terbuka adalah tahap kedua bagi dakwah Rasulullah. Masa bagi tahap ini selama 6 tahun iaitu bermula pada tahun ke-4 hingga tahun ke-10 dari kebangkitan nabi. (Ibn al-Athir:1405H:45) Tahap ini bermula setelah Allah T.A memerintahkan supaya berterus terang dalam dakwah melalui ayat-ayat berikut:

﴿وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ، وَاحْذِرْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ، فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ﴾

(Al-Syu 'ara':26:214-216)

*Maksudnya: Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat, dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutimu, iaitu orang-orang yang beriman. Jika mereka mendurhakaimu maka katakanlah: "sesungguhnya aku tidak bertanggung jawab terhadap apa-apa yang kamu kerjakan".*

<sup>2</sup> Isteri al-Muttalib Ibn Azhar

﴿فَاصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ﴾

(Al-Hijr:15:94)

*Maksudnya: Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang musyrik.*

Setelah turunnya ayat pertama di atas, Rasulullah terus menghimpunkan kerabatnya seramai 30 orang termasuk Abu Lahab di samping menyediakan makanan dan minuman kepada mereka. (Rizqullah Ahmad:1412H:163) Kemudian Baginda menyatakan kebenaran Allah Tuhan yang berhak disembah, kerasullannya, kebangkitan dan perhitungan pada hari kiamat untuk mendapat balasan syurga atau neraka. Tetapi perhimpunan pada kali ini berakhir dengan penentangan hebat daripada kerabatnya terutama daripada Abu Lahab. (Al-Sulami:1414H:97) Namun demikian Rasulullah s.a.w masih meneruskan dakwahnya dengan terbuka kepada semua manusia dengan menyatakan kepalsuan khurafat dan syirik serta membongkarkan kelemahan berhala dan kesesatan yang nyata bagi orang yang beribadat kepadanya. Hal ini dilakukan setelah turunnya ayat kedua di atas.(Al-Mubarakfuri:t.t:91)

Dakwah kebenaran pada tahap terbuka ini disampaikan kepada semua manusia dan setiap pihak yang berada di Mekah, sama ada pemimpin, hamba, kaya, miskin, lelaki, perempuan, tua, muda dan sebagainya. Dakwah pada tahap ini juga dilakukan pada setiap masa dan tempat.(Ahmad Syalabi:1984:207)

Ketersebaran subjek dakwah Rasulullah dalam masyarakat Mekah menimbulkan kemarahan bagi orang-orang musyrik terhadap Rasulullah dan pengikutnya, kerana ia menjejaskan kedudukan ibadat penyembahan berhala-berhala yang merupakan pusaka nenek moyang mereka dan menjejaskan juga kedudukan serta kemaslahatan peribadi dan keturunan mereka. Oleh yang demikian, orang-orang musyrik merancang untuk memadamkan dakwah Rasulullah supaya tidak mempengaruhi masyarakat.(Al-Najar:t.t:84–85) Tindakan mereka tersebut dibuat dengan berbagai-bagai alasan seperti mengatakan Rasulullah mencela Tuhan-Tuhan, mengejek agama, memperbodohkan harapan dan menyesatkan nenek moyang mereka. Alasan-alasan ini pernah mereka menyatakan kepada Abu Talib ketika mengunjunginya supaya ia memberhentikan Rasulullah dari berdakwah.(Ibn al-Athir:1405H:43)Alasan-alasan ini diketarakan juga dalam perbincangan-perbincangan mereka mengenai dakwah Rasulullah.(Sa'id Hawa:1399H:89)

### 3. Tahap Persiapan Menubuhkan Negara

Tahap persiapan menubuhkan negara merupakan tahap terakhir bagi dakwah Rasulullah di Mekah, tahap ini mengambil masa selama 4 tahun, bermula pada penghujung tahun ke-10 dari kebangkitan nabi dan berakhir apabila Baginda berhijrah ke Madinah Munawwarah pada 27 Safar tahun ke-14 dari kebangkitan nabi bersamaan 13 September 622 Masihi.(Al-Mubarakfuri, t.t:142,182–183)

Kematian Abu Talib dan Khadijah pada tahun ke-10 dari kebangkitan nabi (Al-Nadawi, 1400H :92) merupakan tahun dukacita bagi Rasulullah s.a.w. Hal ini kerana mereka berdua banyak memberi kemudahan dan perlindungan kepada Rasulullah s.a.w dalam menyebarkan dakwah. Dengan itu orang-orang musyrik dapat melakukan penentangan dengan bebas terhadap dakwah Rasulullah, mereka melakukan apa-apa sahaja



mengikut kehendak sehingga tidak berpeluang bagi Rasulullah untuk menyebarkan dakwah di Mekah. (Abu Zahrah, t.t:389) Berkata Ibn Ishak:

*(Apabila mati Abu Talib, orang-orang Quraisy dapat menyakiti Rasulullah dengan bebas tidak seperti semasa Abu Talib masih hidup, sehingga orang-orang bodoh dari kalangan mereka melontar tanah ke atas kepala Baginda).*(Ibn Hisyam:t.t:442)

Dengan itu, Rasulullah s.a.w merancang dengan memilih Ta-if untuk dijadikan pusat perkembangan dakwah di luar Mekah.(Al-Ghadaban:1409H:133) Harapan Rasulullah s.a.w semoga suku Thaqif yang berada di sana akan memeluk Islam dan berkerjasama dalam menyebarkan dakwah, tetapi sebaliknya berlaku iaitu tentangan hebat daripada mereka sehingga orang-orang bodoh dari kalangan mereka menghalau, mencela dan melontarkan batu ke atas Rasulullah.('Abd al-Wahhab:1422H:83) Selama 10 hari Rasulullah s.a.w menyebar dakwah di Ta-if dan berakhir dengan kegagalan.

Setelah tidak berjaya memilih Ta-if sebagai pusat penyebaran dakwah, Rasulullah s.a.w tidak berputus asa bahkan merancang semula untuk mencari negeri lain pula sebagai pusat penyebaran dakwah. Dengan itu, setelah pulang dari Ta-if Baginda terus menyebarkan dakwah dengan gigih kepada berbagai suku kaum daripada luar Mekah yang datang mengerjakan haji. Melalui dakwah pada kali ini terdapat beberapa orang bukan ahli Mekah yang memeluk Islam, antara mereka ialah Suwaid ibn Samit, Iyas ibn Mu'az dan Abu Dhar al-Ghifari daripada ahli Madinah, Tufail ibn 'Amru al-Dausi dan Damad al-Azdi daripada ahli Yaman.(Al-Mubarakfuri:t.t:148–152)

Kemudian pada musim haji tahun ke-11 dari kebangkitan nabi datang pula 6 orang suku al-Khazraj daripada Madinah Munawwarah, mereka terdiri daripada As'ad ibn Zararah ibn 'Uds, 'Auf ibn al-Harith ibn Rifa'ah, Rafi' ibn Malik ibn al-'Ajlani, Qutbah ibn 'Amir ibn Hadidah, 'Uqbah ibn 'Amir ibn Nabi dan Jabir ibn 'Abdullah ibn Ri-ab. Rasulullah menjumpai mereka di 'Aqabah dan menyeru kepada Islam, kemudian semua mereka memeluk Islam.(Ibn Kathir:1413H:194–195) Setelah pulang ke Madinah, mereka berenam memperkenalkan Rasulullah s.a.w kepada kaum mereka di sana dan menyeru mereka kepada Islam, hingga tidak ada sebuah rumah pun di Madinah pada masa itu melainkan membicarakan tentang Islam.(Al-Mursifi:1402H:109)

Pada musim haji berikut iaitu pada tahun ke-12 dari kebangkitan nabi datang pula 12 orang rombongan daripada Madinah menemui Rasulullah s.a.w, mereka terdiri daripada 5 orang selain daripada Jabir ibn 'Abdullah ibn Ri-ab yang telah memeluk Islam pada tahun sebelumnya dan 7 orang yang lain iaitu 5 orang daripada suku al-Khazraj ialah Mu'adh ibn al-Harith, Zakwan ibn 'Abd Qais, 'Ubadah ibn al-Samit, Yazid ibn Tha'labah dan al-'Abbas ibn 'Ubadah ibn Nadilah, dua orang daripada suku al-Aus iaitu Abu al-Haitham Malik ibn al-Taihan dan 'Uwaim ibn Sa'idah. Rasulullah s.a.w mengadakan kepada mereka majlis angkat sumpah setia di Bukit 'Aqabah. (Ibn Kathir, 1413H:110)

Kemudian pada musim haji tahun ke-13 dari kebangkitan nabi datang pula rombongan daripada Madinah seramai 73 orang untuk menjemput Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah dan menabalkan Baginda

sebagai nabi dan pemimpin mereka. (Shalabī, 1984:252) Rasulullah s.a.w mengadakan pertemuan dengan rombongan ini pada waktu malam secara tertutup di bukit 'Aqabah dan mengadakan upacara angkat sumpah setia, angkat sumpah setia pada kali ini dikenali sebagai perjanjian 'Aqabah kali kedua.(Al-Najar:t.t:123) Setelah selesai upacara angkat sumpah setia, Rasulullah s.a.w mengarahkan mereka supaya memilih dari kalangan mereka seramai 12 orang *naqib*<sup>3</sup> sebagai pemimpin mereka dan bertanggungjawab melaksanakan isi perjanjian tersebut.(Abu Khalīl, 1423H:73) Bagi penulis, perjanjian 'Aqabah kali kedua dan perlantikan *naqib* tersebut membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w sudah merancang untuk berhijrah ke Madinah Munawwarah dan memilih negeri ini sebagai pusat penyebaran dakwah atau pusat pemerintahan Islam.

Upacara angkat sumpah setia 'Aqabah ini sangat-sangat membimbangkan orang-orang musyrik, kerana ia boleh menjejaskan semua urusan terutama menghalang perniagaan mereka. Hal ini kerana kedudukan Madinah Munawwarah antara Mekah dan al-Syam yang merupakan laluan bagi para pedagang antara dua negara ini.(Syalabī, 1984:254) Dengan itu, mereka dengan sebulat suara memutuskan dalam persidangan di Dar al-Nadwah untuk membunuh Rasulullah. Hal ini adalah semata-mata bertujuan agar dakwah Rasulullah akan padam dan berakhir. (Abu Khalīl, 2000:188)

Pada hari pemimpin-pemimpin musyrik memutuskan untuk membunuh Rasulullah, Allah telah memerintah supaya Rasulullah s.a.w berhijrah ke Madinah. Kemudian pada malam itu juga Abū Jahal bersama pemuda-pemuda musyrik yang mewakili berbagai suku kaum mengepung rumah Baginda untuk membunuhnya. Manakala Baginda pula meminta supaya 'Ali Ibn Abi Talib tidur pada tempat tidurnya, setelah itu Baginda keluar di hadapan mereka dengan membaca:

﴿وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ﴾

(Ya sin, 36:9)

serta menghambur debu tanah ke atas mereka, dengan kuasa Allah mereka tidak nampak Baginda dan Baginda keluar dengan selamat.('Abd al-Wahhab:1422H:93-94)

## Period Madinah

Period Madinah bagi dakwah Rasulullah bermula dari hijrah Rasulullah ke Madinah Munawwarah hingga wafat Baginda iaitu selama 10 tahun. Pada period ini penulis membahagikan kepada dua tahap iaitu “tahap pembinaan negara” dan “tahap perluasan kawasan dakwah”.

### 1.Tahap Pembinaan Negara

Tahap pembinaan negara bermula dari hijrah hingga ke *Sulh Hudaibiah* pada tahun ke-6 Hijrah. (Al-Jazā-irī:1409H:337) Aktiviti pertama yang dilakukan Rasulullah s.a.w setelah sampai ke Madinah Munawwarah ialah membina masjid sebagai lambang Islam. Masjid pertama ini dibina untuk didirikan solat yang merupakan hubungan antara makhluk dengan Penciptanya. *Selain* itu, ia juga sebagai pusat pergerakan Islam pada

<sup>3</sup> *Naqib* ialah ketua kumpulan.

keseluruhannya, antaranya ialah pusat penyebaran dakwah Islam, pusat pengurusan dan penyusunan negara Islam, pusat kursus dan pembinaan, dewan mesyuarat, pusat perhimpunan mingguan bagi umat Islam, pusat pembelajaran dan pendidikan, pusat perhimpunan dan latihan ketenteraan dan lain-lain.(Rizqullah Ahmad:1412H:297)

Demi melahirkan negara Islam yang kuat, Rasulullah s.a.w membina ikatan persaudaraan atau ukhuwwah sesama umat Islam, terutama antara orang muhajirin dan orang ansar. Hal ini berlaku setelah 5 bulan Rasulullah berada di Madinah Munawwarah.(Shawqī Daif, t.t:164) Menerusi aktiviti ini maka terbinalah persaudaraan yang terjalin kukuh antara peribadi yang dibina Rasulullah s.a.w.(Al-Mursiff, 1402H:207–229)

Demi kekuatan dan keteguhan negara Islam Madinah, Rasulullah s.a.w menjalinkan kasih sayang dan persahabatan dengan orang-orang Yahudi yang berada di Madinah. Rasulullah dan orang-orang Yahudi mengadakan persetujuan bersama atas kerjasama supaya menjadi satu barisan dan satu benteng kekuatan di Madinah.(Al-Najar, t.t:149–150) Selain itu, Rasulullah s.a.w juga mengadakan perjanjian secara bertulis dengan menyatakan hak dan kewajiban kedua belah pihak. Perjanjian ini berasaskan persaudaraan dalam kedamaian, mempertahankan Madinah Munawwarah semasa perang dan tolong menolong ketika ditimpa kecemasan ke atas satu pihak atau kedua belah pihak.(Al-Samhudi, 1418H:616) Dapat difahami menerusi isi perjanjian di atas, Rasulullah s.a.w selaku pemimpin negara Islam yang mempunyai rakyat berlainan agama memberi kebebasan kepada orang bukan Islam dalam beragama, berakidah dan berpendapat, malahan memberi hak yang sama dengan orang Islam.

Pada tahap ini juga Rasulullah s.a.w membentuk sistem ekonomi bagi meningkatkan taraf ekonomi yang bersih serta menyelesaikan beberapa masalah ekonomi yang berlaku dalam masyarakat. Pembentukan sistem ekonomi ini adalah berasaskan bimbingan dan pertunjukan Allah melalui al-Quran al-Karim. Oleh yang demikian, ia dapat menjamin keadilan bagi setiap lapisan masyarakat, mereka memiliki hak masing-masing dengan bersih dan tidak mencabuli hak orang lain, mengeluarkan harta yang bukan haknya kepada yang berhak, membelanjakan harta demi kepentingan Islam, orang fakir dan miskin mempunyai hak daripada harta orang kaya melalui zakat, kifarot dan sebagainya. Sistem ekonomi yang diterapkan Rasulullah s.a.w ini bukan sekadar dapat membina ekonomi yang bersih dan menyelesaikan penyakit-penyakit ekonomi dalam masyarakat, malahan melahirkan kasih sayang dan perasaan bertanggungjawab antara satu sama lain terutama antara orang kaya dan fakir begitu juga miskin.(Al-Najar, t.t:161–162,164)

## 2.Tahap Perluasan Kawasan Dakwah

Setelah bertapaknya pusat dakwah atau negara Islam di Madinah, Rasulullah s.a.w melangkah pula ke tahap yang lain iaitu meluaskan kawasan dakwah kepada kawasan-kawasan luar Madinah. Tahap ini bermula setelah *Sulh Hudaibiah* pada tahun ke-6 Hijrah hingga wafat Rasulullah s.a.w pada tahun 11 Hijrah iaitu selama 4 tahun.

Sasaran dakwah Rasulullah bukan terbatas kepada kawasan tertentu dan bukan juga untuk golongan tertentu, malahan ia meliputi seluruh dunia dan setiap lapisan masyarakat. Justeru, pada hari Sabtu bulan Rabi'

al-Awwal tahun ke-7 Hijrah (Al-Isa, 1998:9) Rasulullah mengutuskan para sahabatnya membawa surat dakwah kepada beberapa orang raja dan pemimpin. (Al-'Umari:1418H:454) Melalui pendakwah dan surat yang diutuskan Rasulullah s.a.w ini terdapat sebahagian raja dan pemimpin tersebut menerima dakwah Rasulullah dengan memeluk Islam seperti Ashamah ibn al-Abjar raja al-Habasyah, al-Munzir ibn Sawi hakim al-Bahrain, Jaifar ibn al-Jalandi raja 'Uman dan saudaranya 'Abda ibn al-Jalandi. Adapun raja dan pemimpin yang lain semua menolak dan tidak menerima Islam. (Al-Mubarakfurī, t.t:392-405)

Demi meluaskan kawasan dakwah supaya manusia dapat memeluk Islam, Rasulullah s.a.w mengutuskan para sahabat yang telah terdidik dan terbina dengan manhaj dakwahnya kepada beberapa kawasan mengikut strategi tertentu. Seperti mengutus Khalid ibn al-Walid kepada Bani al-Harith ibn Ka'ab di Najran. (Al-Tobari:t.t:126) Setelah Bani al-Harith ibn Ka'ab memeluk Islam, Rasulullah s.a.w mengutus pula 'Amru ibn Hizam kepada mereka untuk mengajar syariat Islam. (Al-Jazā-irī, 1409H:456) Begitu juga Rasulullah s.a.w mengutuskan 'Ali ibn Abi Talib kepada Yaman untuk berdakwah kepada manusia di sana. (Al-Isa, 1998:10)

### Uslub Dakwah Rasulullah

Uslub bererti kaedah atau cara. (Teuku Iskandar, 1993:1448) Mengenai uslub yang digunakan Rasulullah s.a.w dalam penyampaian dakwah penulis membahagikannya kepada dua bahagian iaitu uslub dakwah pada period Mekah dan uslub dakwah pada period Madinah adalah seperti berikut:

#### 1. Uslub Dakwah pada Period Mekah

Penentuan tempat bagi dakwah merupakan uslub yang penting, kerana pada period ini dakwah Rasulullah masih lemah pada segala-galanya, manakala kedudukan umum kota Mekah pada masa itu dikuasai penuh oleh orang-orang musyrik. Dengan itu Rasulullah memilih rumah al-Arqam Ibn Abī al-Arqam sebagai tempat atau markaz dakwah dan memilih bukit 'Aqabah sebagai tempat pertemuan dengan orang luar Mekah yang datang dari Madinah dan digunakan juga sebagai tempat untuk mengadakan upacara angkat sumpah setia dengan mereka. Kemudian beberapa tempat yang lain disebarkan dakwah secara terbuka seperti bukit Sofa, pasar Zi al-Majaz dan sebagainya.

Menghimpun manusia untuk menyampaikan dakwah salah satu uslub dakwah Rasulullah. Dengan keistimewaan keperibadian Rasulullah s.a.w seperti beramanah dan berakhlak mulia, Baginda mampu menyeru manusia untuk berhimpun di satu tempat tertentu kemudian menyampaikan subjek dakwah kepada mereka. Ibn Abbas berkata:

*(Apabila Allah menurunkan ayat وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ Rasulullah datang ke Sofā dan menyeru manusia untuk berhimpun, maka berhimpunlah manusia, ada yang datang sendiri dan ada yang mengutus wakil). (Sa'id Hawa, 1399H:107-108)*

Antara uslub dakwah Rasulullah juga ialah pergi ke tempat-tempat perhimpunan manusia untuk menyampaikan dakwah, seperti di Mina pada musim haji, di pasar Zi al-Majaz, di rumah-rumah Bani Kindah, Bani Kalb, Bani Hanifah, Bani ʿAmir dan lain-lain. (Saʿid Hawa, 1399H:108–110)

Rasulullah juga mengguna uslub memerintahkan dari kalangan sahabatnya supaya menyeru orang yang masih kufur kepada Islam dan mengajar orang-orang yang telah Islam tetapi masih mentah fahaman tentang Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi Abu Bakr al-Siddiq apabila terdapat beberapa orang sahabat terkemuka memeluk Islam melalui dakwahnya. (ʿAbd al-Wahhab, 1422H:57) Begitu juga ʿAmru ibn Um Maktum dan Musʿab ibn ʿUmair diutuskan oleh Rasulullah s.a.w ke Madinah untuk mengajar al-Quran dan menyeru manusia kepada Islam. (Ibn Kathīr, 1413H:110)

Rehlah (berkunjung) merupakan satu uslub dakwah yang banyak diguna oleh para rasul, begitu juga Nabi Muhammad s.a.w ikut memilih uslub rehlah dalam menyampaikan dakwah, sebagaimana Baginda berehlah ke Tāʾif untuk menyeru penduduk di sana kepada Islam.

Hijrah ke Madinah merupakan uslub dakwah Rasulullah. Ia menggambarkan kesungguhan Baginda dalam melaksanakan tugas dakwah, Baginda sanggup mengharungi kesusahan yang terpaksa meninggalkan kampung halaman tempat tumpah darah. Hal ini adalah semata-mata untuk meningkatkan perkembangan dakwah daripada satu kawasan yang sempit kepada kawasan yang lebih luas, begitu juga dari satu kedudukan di bawah penentangan dan penindasan jahiliah kepada satu kedudukan yang lebih besar dalam mengatur dan menyusun pergerakan dakwah.

## 2. Uslub Dakwah pada Period Madinah

Pada period Madinah Rasulullah menggunakan uslub dakwah yang berlainan daripada uslub dakwah yang digunakan pada period Mekah, antaranya ialah: perdamaian, menghantar surat kepada raja dan pemimpin, mengutuskan pendakwah dan pengajar dan sebagainya. Selain itu, pada period Madinah juga disarakkan berjihad dalam bentuk perang bersenjata. Uslub ini bukanlah menunjukkan dakwah Rasulullah menyeru manusia dengan kekerasan dan paksaan, malahan jihad yang dibentuk Rasulullah s.a.w adalah semata-mata untuk mempertahankan diri dan dakwah daripada mana-mana pencerobohan musuh yang berusaha menghancurkan dan memadamkan dakwah Islam. Berkenaan hal ini al-Najar ada berkata:

*(Siapa yang mempelajari ayat-ayat al-Quran mengenai perang, ia akan dapati bahawa perang dalam Islam mengandungi dua tujuan iaitu: Pertama untuk mempertahankan diri dan menyekat kezaliman dan permusuhan. Kedua untuk mempertahankan dakwah, iaitu menjaga orang yang telah beriman apabila difitnahkan, atau terdapat sekatan ke atas orang yang mahu memeluk Islam, atau terdapat larangan ke atas pendakwah dari menyampaikan dakwah). (Al-Najar:t.t:165)*

### Wasilah Dakwah Rasulullah

Antara *wasilah* utama yang diguna Rasulullah ﷺ dalam melancarkan dakwah adalah seperti berikut:

1. Perkataan; terdiri daripada membaca al-Quran, mengajar, berkhutbah, memberi nasihat dan memberi penerangan.
2. Perbuatan; perbuatan-perbuatan Rasulullah merupakan kudwah.
3. Tempat iaitu masjid, rumah dan bukit.
4. Alat iaitu surat kiriman.

### Kesan Dakwah Rasulullah

Dakwah Rasulullah banyak menghasilkan kesan positif. Adapun kesan yang paling agung ialah semua orang Arab menukar agama kepada Islam. Hal ini berlaku sesudah pembukaan Mekah, ia dapat dilihat kepada firman Allah berbunyi:

﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ، وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا﴾

(Al-Nasr, 110:1–2)

*Maksudnya: Apabila telah datang pertolongan Allah dan pembukaan. Dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berpuak-puak.*

Berkata Ibn Kathir:

*(Dikehendaki pembukaan di dalam surah ini ialah pembukaan Mekah. Setelah Allah membuka Mekah manusia berpuak-puak memeluk Islam. Sesudah berlalu dua tahun, Semenanjung Tanah Arab disinari dengan iman dan setiap suku kaum Arab memeluk Islam). (Ibn Kathīr, 1413H:563)*

Dakwah Rasulullah yang menyebar akidah benar kepada manusia. Kesan daripada akidah benar ini manusia berubah sikap hidup harian mereka dari hidup tidak ada batasan dalam pegangan dan kepercayaan kepada hidup yang mentauhidkan Allah dan mengabdikan diri hanya kepada Allah. (Sa'īd Hawa, 1399H:175–176)

Penerapan ibadat dapat melahirkan manusia yang beribadat kepada Allah dengan cara yang benar dan diterima Allah. Adapun sebelum kedatangan dakwah Rasulullah manusia beribadat kepada sesama makhluk, melakukan syirik dalam ibadat kepada Allah atau beribadat kepada Allah mengikut cara yang salah daripada nenek moyang mereka. Ibadat sohih melahirkan banyak kesan positif dalam hidup manusia terutama hubungan erat antara mereka dan Allah, mereka selalu mengingati Allah, manusia yang selalu mengingati Allah amat sukar untuk melakukan maksiat terhadap Allah. (Ibrahim Hassan, 1964:175–176)

Penerapan syariat dan akhlak dapat melahirkan sebuah masyarakat yang ada batasan dalam pergaulan. Sifat kasih sayang, tolong menolong dan mengutamakan kepentingan orang lain lebih dari diri sendiri

masing-masing ditonjolkan. Hal ini dapat dilihat sesudah Rasulullah mengikat persaudaraan antara orang muhajirin dan orang ansar.(Al-Mursifi, 1402H:256–257)

Masyarakat yang dibina Rasulullah adalah sama sahaja; semua daripada seorang manusia iaitu Adam, menjadi hamba dan akan kembali kepada satu Tuhan iaitu Allah. Adapun perbezaan jantina, warna kulit, keluarga, pangkat dan kedudukan bukanlah sesuatu yang boleh membezakan antara mereka, malahan ia adalah pembahagian tugas sebagai khalifah Allah di atas permukaan bumi sahaja.(Sa'id Hawa, 1399H:172–173) Dengan itu, kedudukan manusia di sisi Allah adalah sama, sama ada hubungan dengan Allah, hubungan dengan syariat, hubungan sesama manusia dan sebagainya, tidak ada perbezaan antara kaya dan miskin, berkulit putih dan hitam, lelaki dan perempuan, begitu juga orang Yahudi dan Nasrani dengan orang Islam selama berada dalam perdamaian.(Ibrahim Hassan, 1964:186)

Sebelum kedatangan dakwah Rasulullah, kedudukan wanita pada masa itu terutama dalam masyarakat Yunan dan Roman adalah seumpama barangan atau binatang, wanita tidak diberi hak milik harta dengan apa cara jua, tidak ada hak menerima harta pusaka dan tidak berpuluang untuk menuntut ilmu.(Ibrahim Hassan:1964:179) Hasil kajian tentang ini juga terdapat kedudukan wanita Arab semasa jahiliah terutama dalam masyarakat Mekah tidak ada nilai hidup di sisi mereka, dengan itu ada antara mereka yang sanggup membunuh anak perempuan sendiri kerana menjaga maruah keluarga dan sebagainya. Sistem perkahwinan jahiliah dilakukan sesudah wanita dijadikan alat pemuasan nafsu syahwat. (Al-Najar, t.t:46–49) Kedudukan wanita yang tidak bernilai ini berubah sesudah dakwah Rasulullah disebarkan, wanita kembali menjadi manusia yang bernilai dan setaraf lelaki, mempunyai hak yang sama dengan lelaki dalam pemilikan harta dan menuntut ilmu pengetahuan, persetubuhan antara lelaki dan wanita adalah mengikut sistem perkahwinan yang ditentukan Allah dan sebagainya.(Al-Mursifi, 1402H:176–177)

Dakwah Rasulullah mengharamkan pertumpahan darah sesama manusia atas yang bukan hak serta menetapkan hukum bunuh balas ke atas pembunuh. Kesan daripada penerapan ini lahirlah masyarakat yang berkasih sayang dan aman dari pertumpahan darah. (Ibrahim Hassan, 1964:176–177)

Sebelum kedatangan dakwah Rasulullah, manusia berusaha meraih harta dengan macam-macam sistem penindasan dan penipuan, riba berleluasa dan jual beli tidak ada batasan, orang kaya bertambah kaya manakala orang miskin bertambah miskin. Keadaan sedemikian telah ditangani oleh dakwah Rasulullah melalui syariat Islam dengan menerapkan sistem jual beli, mengharamkan riba, penipuan dan penindasan dalam berekonomi serta menyeru manusia supaya bersifat *qana'ah*.<sup>4</sup> Kesan daripada penerapan ini lahirlah masyarakat yang berwaspada dalam meraih harta, jual beli berasaskan syariat Islam, menghindari dari sistem ekonomi yang bercanggah dengan syariat Islam, tidak tamak malahan berqana'ah. Ringkasnya, masyarakat memiliki harta secara halal dan membelanjakannya mengikut peraturan syariat Islam. (Ibrahim Hassan, 1964:177)

Dakwah Rasulullah berusaha membasmikan segala bentuk kemungkaran seperti arak, judi, zina, sihir dan sebagainya serta melaksanakan hukuman ke atas yang melanggar. Hal ini melahirkan masyarakat yang

---

<sup>4</sup> *Qana'ah* ialah rasa cukup dengan pemberian Allah.

menjauhi kemungkarannya kerana takwa kepada Allah hingga terbentuk masyarakat yang berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan dan aman dari kemungkarannya. (Al-Mubarakfuri, t.t:514)

Masyarakat Arab terkenal sebagai salah satu masyarakat yang suka dan mengagungkan sastera, ramai dalam kalangan mereka yang terkenal sebagai sasterawan, mereka menciptakan sya'ir-sya'ir dalam bentuk tulisan, persembahan di hadapan khalayak ramai dalam majlis-majlis tertentu dan sebagainya. Apabila dakwah Rasulullah disebarkan dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran menimbulkan kekaguman dalam kalangan mereka, kerana uslub al-Quran lebih bermutu kesusasteraannya daripada sya'ir-sya'ir mereka. Dengan itu, lafaz-lafaz dan istilah-istilah al-Quran dipergunakan dalam percakapan, ucapan, tulisan dan sya'ir mereka, begitu juga para sasterawan meniru uslub al-Quran di dalam sya'ir-sya'ir mereka. Hal ini dibuktikan dengan Labid Ibn Rabi'ah seorang sahabat yang terkenal sebagai penya'ir pada masa jahiliah, setelah memeluk Islam, apabila ditanya tentang sya'irnya beliau membaca al-Quran seraya berkata: Allah telah mengganti kepadaku dengan kebaikan daripada-Nya (Qur'an). (Ibrahîm Hassan, 1964:192)

Sebelum dakwah Rasulullah disebarkan, masyarakat Arab diperintahkan oleh pemimpin-pemimpin suku kaum mengikut sistem politik masing-masing, ia tidak berasaskan keadilan dan peri kemanusiaan. Pemerintahan mereka adalah semata-mata bagi kemaslahatan tertentu sama ada kemaslahatan pemimpin atau kemaslahatan suku kaum itu sendiri. Bagi menghasilkan tujuan tersebut mereka sanggup berperang dan bertumpah darah hingga berlaku perseteruan antara suku kaum. (Al-Mubarakfuri, t.t:38) Dakwah Rasulullah berjaya mendirikan negara Islam dengan menghimpunkan suku-suku kaum Arab di bawah satu panji Islam, semua mereka tunduk kepada hukum bawaan Rasulullah s.a.w dan arahan al-Quran. Permusuhan antara suku kaum terhapus malahan lahir sifat kasih sayang antara mereka, mereka sanggup mengorbankan harta dan jiwa raga adalah semata-mata demi kepentingan Islam. (Ibrahîm Hassan, 1964:194) Sistem politik berasaskan al-Quran bagi negara Islam yang dipimpin Rasulullah melahirkan keadilan, kemakmuran, keamanan dan kebahagiaan di dalam masyarakat Islam pada masa itu. (Al-Mubarakfuri, t.t:514)

## Penutup

Alhamdulillah syukur kepada Allah T.A. yang dengan kehendak-Nya tulisan ini dapat diselesaikan dengan baik. Semoga melalui tulisan ini, asas-asas dakwah Rasulullah s.a.w. akan menjadi pedoman asas kepada para pendakwah dalam usaha menyeru manusia kepada Islam dan menyebarkan ajaran Islam kepada umat Islam agar menghayatinya dalam hidup harian mereka. Melalui tulisan ini juga, penulis mengharapkan semoga ia dikira Allah sebagai amalan solih yang dibalas dengan ganjaran pahala.



## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

‘Abd al-Wahhāb, Muḥammad. 1422H. **Mukhtaṣar Sīrah al-Rasūl**. cet 15. al-Jam‘iyyah al-Islamiyyah. al-Madinah al-Munawwarah.

Abū Khalīl, Syawaqī. 2000. **Atlas al-Qurān**. cet 1. Dār al-Fikr al-Ma‘āsir. Bayrūt.

Abū Khalīl, Syawaqī. 1423H. **Atlas al-Sīrah al-Nabawiyyah**. cet 1. Dār al-Fikr. Dimasyq.

Abū Shāhibah, Muḥammad Ibn Muḥammad. 1419H **Al-Sīrah al-Nabawiyyah Fī Dau-i al-Qurān Wa al-Sunnah**. cet 5. Dār al-Qalam. Dimasyq.

Abū Zahrah, Muḥammad Aḥmad. t.t.. **Khatam al-Nabiyyīn**. Dār al-Fikr al-‘Arābiy. al-Qāhirah.

Al-‘Adawī, Muḥammad Aḥmad. 1354H. **Da‘wah al-Rasūl Ilā Allāh Ta‘āla**. Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābi al-Halabī Wa Auladuhu. Misr.

Aḥmad, Maḥdi Rizquillāh. 1412H. **Al-Sīrah al-Nabawiyyah**. cet 1. Markaz al-Malik Faisal Li al-Buhūth Wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah. al-Riyāḍ.

Al-‘Āsimī, Abd. al-Raḥmān Ibn Muḥammad Ibn Qāsim. t.t.. **Majmū‘ Fatawa Syeikh al-Islām Aḥmad Ibn Taimiyyah**. Maktabah Ibn Taimiyyah.

Daif, Syawaqī. t.t.. **Muḥammad Khatam al-Mursalīn**. Dār al-Ma‘ārif. al-Qāhirah.

Al-Ghādabān, Munīr Muḥammad. 1409H. **Al-Manhaj al-Harakī Li al-Sīrah al-Nabawiyyah**. cet 4. Maktabah al-Mannār. al-Zarqā’.

Harras, Muḥammad Khalīl. 1406H. **Da‘wah al-Tauhīd**. cet 1. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah Bayrūt- Lubnān.

Ḥassan, Ḥassan Ibrāhīm. 1964. **Tārīkh al-Islām**. cet 7. t.p.

Hawā, Sa‘īd. 1399H. **Al-Rasūl**. cet 4. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Bayrūt.

Ibn al-Athīr, Abū al-Ḥassan ‘Alī Ibn Abī al-Kirām Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Karīm Ibn ‘Abd al-Wahid al-Shaibānī. 1405H. **Al-Kāmil fī al-Tārīkh**. cet 5. Dār al-Kitāb al-‘Arābiy. Bayrūt.

Ibn Ḥishām, Abū Muḥammad. t.t.. **Al-Sīrah al-Nabawiyyah**. Dār al-Fikr. al-Qāhirah.

Ibn Kathīr, al-Ḥāfiz ‘Imād al-dīn Abu al-Fidā’ Ismā‘īl al-Qurashī al-Dimashqī. 1388H. **Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm**. Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arābiy. Bayrūt.

Ibn Kathīr, al-Ḥāfiz ‘Imād al-dīn Abu al-Fidā’ Ismā‘īl al-Qurashī al-Dimashqī. 1413H. **Al-Fusūl Fī Sīrah al-Rasūl** ❸. cet 6. Dār Ibn Kathīr. Bayrūt.

Al-‘Isā, Salīm Sulaimān. 1998. **Al-Mu‘jam al-Mukhtasar li al-Waqā-i‘**. cet 1. Dār al-Namīr. Dimashq.

Al-Jaza-iriy, Abū Bakr Jābir. 1409H. **Hadha al-Habīb Muhammad Sallallāh ‘Alaih Wa Sallam Ya Muhīb**. cet 2. Dār al-Shurūq. Mekah.

Al-Juyūshīy, Muḥammad Ibrāhīm. 1420H. **Tārīkh al-Da‘wah**. cet 1. Dār al-‘Ilmi Wa al-Thaqāfah. al-Qāhirah.

Maḥfūz, ‘Alī. 1958. **Hidāyah al-Murshidīn Ilā Turūq al-Wā‘iz Wa al-Khitābah**. al-Matba‘ah al-‘Uthmāniyyah al-Misriyyah. al-Qāhirah.

- Al-Mubārakfuri, Sofy al-Raḥmān. t.t.. **Al-Rohiq al-Makhtūm**. Dār al-Wafā' Li al-Tibā'ah Wa al-Nasyr. al-Mansūrah.
- Al-Mursifī, Sa'ād. 1402H. **Al-Hijrah al-Nabawiyyah Wa Dauruhu Fi Binā' al-Mujtama' al-Islāmiy**. cet 1. Maktabah al-Falah. al-Kuwayt.
- Al-Nadawī, Abu al-Ḥassan 'Alī al-Ḥusna. 1400H. **Sīrah Khatam al-Nabiyyah**. cet 3. Muassasah al-Risālah. Bayrūt.
- Al-Naḥwi, Adnan. t.t.. **Daur al-Minhaj al-Robbāni Fī al-Da'wah al-Islāmiyyah**. Dār al-Islah. al-Dammām.
- Al-Najar, Muḥammad al-Tayyib. t.t.. **Al-Qāul al-Mubīn Fī Sīrah Sayyid al-Mursalīn**. Dār al-Ītisām. al-Qāhirah.
- Al-Sa'di, 'Abd al-Raḥmān Ibn Nāsir. 1420H. **Taysir al-Karīm al-Raḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān**. cet 1. Muassasah al-Risālah. Bayrūt.
- Al-Samḥūdī, 'Alī Ibn 'Abdullāh Ibn Aḥmad al-Ḥusayni. 1418H. **Khulāsah al-Wafa Bi Akhbār Dār al-Muṣṭafa**. cet 1. t.p.
- Al-Sibā'ī, Muṣṭafā. 1406H. **Al-Sīrah al-Nabawiyyah**. cet 9. al-Maktab al-Islāmiy. Bayrūt.
- Al-Sulamī, Muḥammad Ibn Rizq Ibn Tarhuni. 1414H. **Ṣoḥīḥ al-Sīrah al-Nabawiyyah**. cet 1. Maktabah Ibn Taymiyyah. al-Qāhirah.
- Shalabi, Aḥmad. 1984. **Mausū'ah al-Tārīkh al-Islām Wa al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah**. cet 11. Maktabah al-Naḥḍah al-Misriyyah. al-Qāhirah.
- Teuku Iskandar. 1993. Kamus Dewan. Ed. Ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.**
- Al-Ṭobariy, Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jarīr (224–310H). t.t.. **Tārīkh al-Ṭobariy**. cet 2. Dār al-Ma'arif bi Misr. al-Qāhirah.
- Al-Umariy, Akram Diyā'. 1418H. **Al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣoḥīḥah**. cet 3. Maktabah al-'Abaykān. al-Riyāḍ.